

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU
NAIDU (BATU GAJAH)**

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan atau usaha-usaha Kerajaan untuk meletakkan semua balai-balai polis di kawasan Parlimen Batu Gajah di bawah kawalan IPD Batu Gajah. Bilakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan permintaan ini supaya IPD Batu Gajah dapat diperkasakan dan berfungsi dengan lebih efektif.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Cadangan untuk meletakkan semua balai-balai polis di kawasan Parlimen Batu Gajah di bawah kawalan Ibu Pejabat Daerah (IPD) Batu Gajah memerlukan kajian persempadanan semula pentadbiran polis secara menyeluruh berdasarkan populasi penduduk dan kadar jenayah. Persempadanan semula ini akan melibatkan beberapa IPD yang berdekatan seperti IPD Kampar dan IPD Ipoh kerana kewujudan asal IPD Batu Gajah dan IPD Kampar adalah pecahan dari IPD Ipoh itu sendiri.

Pada masa ini, pengukuhan perjawatan di balai-balai polis hanya akan diutamakan ke atas 471 balai-balai polis yang mempunyai bilangan perjawatan kurang dari 15. Memandangkan perjawatan di balai-balai polis di bawah IPD Batu Gajah adalah lebih dari 15, kajian persempadanan perlu dilaksanakan dengan teliti kerana ia juga akan melibatkan implikasi kewangan Kerajaan.